S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.13 (16)

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 9 TAHUN 2002

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan,
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.

PEROLEHAN PERISIAN KHUSUS BAGI KOMPUTER SECARA RUNDINGAN TERUS DENGAN SYARIKAT PEMBEKAL/AGEN TUNGGAL

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan mengenai peraturan perolehan perisian khusus bagi komputer secara rundingan terus bagi perisian komputer yang hanya boleh diperolehi daripada syarikat pembekal/agen tunggal yang dilantik secara sah oleh pemilik perisian berkenaan. Agensi Kerajaan adalah dibenarkan membuat perolehan perisian khusus bagi komputer secara rundingan terus tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

(i) perisian berkenaan hanya boleh diperolehi daripada syarikat pembekal/agen tunggal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik perisian berkenaan;

(ii) perolehan secara rundingan terus bagi perisian khusus yang bernilai setakat RM200 ribu bagi satu lesen pengguna hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi;

(iii) mana-mana perisian khusus yang perlu diimport adalah dibenarkan mengguna pakai kemudahan pengangkutan secara CIF sepertimana diperuntukkan di bawah SPP Bil. 16 Tahun 2001; dan

(iv) kebenaran ini hanya diberi untuk perolehan perisian khusus bagi komputer sahaja dan tidak termasuk perkakasan.

3. Agensi hendaklah menggunakan tatacara perolehan semasa seperti pembelian terus, sebut harga dan tender untuk perolehan khusus bagi komputer yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di para 2 di atas. Sekiranya perisian khusus tersebut menepati had nilai semasa tatacara pembelian terus, SPP Bil. 4 Tahun 2002 hendaklah diguna pakai.

4. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

15 Julai 2002

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri